

### PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan pembekal yang berdaftar dengan **MQA** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya serta bertaraf **Bumiputera** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelayakan	Tarikh Pelawaan	Tarikh Tutup
7/2021	Membekalkan Cenderamata Sempena Program Malaysia Prihatin 2021 Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	Bertaraf <b>Bumiputera</b> yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang: (a) <b>030201</b> – Cenderamata Dan Hadiah; dan (b) <b>Pembekal yang belum berdaftar perlu berdaftar dengan MQA di <a href="http://www2.mqa.gov.my/pembekal/">http://www2.mqa.gov.my/pembekal/</a> selewat-lewatnya 1 April 2021 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari.</b>	31 Mac 2021 (Rabu)	2 April 2021 (Jumaat), Jam 12.00 tengah hari

2. Dokumen sebut harga boleh dicetak menerusi portal MQA [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).
3. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **hendaklah diemelkan atau melalui serahan tangan kepada urusetia**. Pembekal juga perlu memastikan setiap **emel berserta dokumen sokongan** yang dihantar kepada pegawai MQA **tidak melebihi saiz 10MB** sahaja. Emel berasingan boleh diterima sekiranya saiz dokumen melebihi kapasiti tersebut.
4. Pembekal dinasihatkan untuk menghubungi urus setia setelah mengemukakan dokumen yang berkaitan ke alamat emel berikut:

Nama pegawai	No. Telefon	Alamat emel
Puan Nida-Ulhayat Binti Rosali	03-8688 1928	upd@mqa.gov.my
Puan Nur Jannati Binti Anuar	03-8688 1929	

5. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan iaitu **pada 2 April 2021 (Jumaat) selepas jam 12.00 tengah hari** tidak akan dipertimbangkan.
6. **Sebarang perubahan terhadap dokumen sebut harga adalah tidak dibenarkan dan dilarang.** Sekiranya terdapat bukti perubahan terhadap dokumen telah dibuat, pembekal akan disenarai hitam oleh pihak MQA dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai sebarang perolehan dengan MQA pada masa akan datang.
7. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.
8. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.
9. Keputusan sebut harga adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
10. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.